

15 Januari 2025

Kepada: Pelanggan – pelanggan yang Dihormati,

**PER: TERMA DAN SYARAT PEMBELIAN PRODUK-PRODUK DI BAWAH
PROGRAM SUMBANGAN ASAS RAHMAH (SARA)**

1. Pelanggan hanya boleh membeli produk-produk yang telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia. Pembelian produk selain daripada yang diluluskan adalah tidak akan disubsidi oleh program ini.
2. Sekiranya produk yang dipilih oleh pelanggan tidak termasuk dalam senarai yang diluluskan, pelanggan mesti membayar penuh untuk produk tersebut tanpa sebarang subsidi atau diskaun daripada Program SARA.
3. Selepas pembayaran telah dilakukan, pertukaran atau pengembalian produk adalah tidak dibenarkan.
4. Pemilihan kedai yang mengambil bahagian dalam Program SARA adalah ditetapkan oleh Yayasan MyKasih. Pelanggan hanya dibenarkan untuk membeli produk di kedai-kedai yang telah diluluskan.
5. Eco-Shop berhak untuk mengubah atau meminda senarai kedai atau produk yang terlibat dalam Program SARA, seiring dengan arahan pihak Yayasan MyKasih atau Kerajaan Malaysia pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
6. Eco-Shop tidak akan bertanggungjawab atas sebarang masalah teknikal seperti masalah sistem, jaringan, atau peralatan yang mungkin menjejaskan pengalaman pembelian pelanggan.
7. Eco-Shop berhak untuk menolak atau membatalkan sebarang transaksi yang tidak mematuhi terma dan syarat ini.
8. Pelanggan perlu mendaftar atau memastikan kelayakan mereka untuk Program SARA sebelum membuat pembelian.

Sila ambil perhatian bahawa terma dan syarat ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa. Kami menyarankan pelanggan untuk merujuk kepada papan notis di kedai atau laman web Eco-Shop untuk maklumat terkini.

Sekian,

Terima Kasih.

PIHAK PENGURUSAN
ECO-SHOP MARKETING BERHAD